

FORMAT E
PERJANJIAN PERKHIDMATAN, KERJA DAN PEMBEKALAN
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

(PENYELENGGARAAN /PEMBEKALAN)

a. Bahagian Teknologi Maklumat.

- i. Perkhidmatan Pembaharuan Kontrak Meter Perclick Mesin Copier (3 dlm 1) Bagi Tempoh 12 Bulan (1 Tahun) di Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis Perbandaran Kajang
- ii. Penyelenggaraan Pencegahan (Berkala) Dan Pembaikan Rangkaian Majlis Perbandaran Kajang
- iii. Perkhidmatan Talian Data Recovery Centre (DRC) Untuk Majlis Perbandaran Kajang.

**JABATAN UNDANG-UNDANG (JUJ)
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
SENARAI SEMAK DOKUMEN PERJANJIAN PERKHIDMATAN/KERJA / PEMBEKALAN
ARAHAN : SILA PASTIKAN SENARAI SEMAK INI DILENGKAPKAN BERSERTA DOKUMEN**

Nama Kontraktor : _____
 Alamat Kontraktor : _____
 No. Telefon : _____
 Tajuk Kontrak : _____
 Lokasi : _____
 No. Fail Jabatan : _____

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN :

- 1 Empat (4) salinan dokumen Perjanjian yang telah lengkap ditandatangani oleh Kontraktor
- 2 Salinan Surat Setujuterima Sebutharga atau Tender/ Surat Tawaran
- 3 Salinan Surat Akuan Penerimaan Tawaran
- 4 Salinan Pendua Resit Bayaran Fi Perjanjian
- 5 Salinan Borang Sebutharga atau Tender/Perakuan Sebutharga atau Tender
- 6 Spesifikasi Perkhidmatan / Kerja / Pembekalan
- 7 Salinan Dokumen Atau Resit Bayaran Bon Pelaksanaan (Jika ada)
- 8 Salinan Insurans Tanggungan Awam
- 9 Salinan Pelan Lokasi (Jika berkaitan)
- 10 Salinan Kad Pengenalan Kontraktor (Individu / Pengarah Syarikat / Pemilik Perniagaan)
- 11 Jika Kontraktor berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 / Akta Syarikat 2016 :
 - Salinan Profil Syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang mengandungi maklumat syarikat, maklumat modal, maklumat pengarah dan pegawai, maklumat pemegang syer, maklumat gadaian dan penyata kewangan, atau
- 12 Jika Kontraktor Berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 :
 - Salinan Diakui Sah Borang D/E berserta maklumat pemilik perniagaan
- 13 Apa-apa dokumen lain mengikut keperluan jadual dan lampiran dalam perjanjian (Sila nyatakan)

Diisi Oleh Kontraktor	Semakan Jabatan	Diisi Oleh JUU
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

UNTUK KEGUNAAN JABATAN DALAMAN SAHAJA.

- 1) Pengesahan daripada Jabatan Dalaman bagi melengkapi senarai dokumen.
Ulasan (Jika ada)



CAP JABATAN

UNTUK KEGUNAAN JABATAN UNDANG-UNDANG SAHAJA.

- 2) Pengesahan daripada Jabatan Undang-Undang (JUJ) bagi penyempurnaan tandatangan Perjanjian.
 - a) Dokumen Lengkap
 - b) Dokumen tidak lengkap

Disemak Oleh :

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Tandatangan & Cop

Tarikh : _____



CAP JUJ

PERJANJIAN PEROLEHAN INFORMATION TELECOMMUNICATION TECHNOLOGY (ICT) DI MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

No. Kontrak : Sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 1 Jadual Pertama** Perjanjian ini.

PERJANJIAN INI DIBUAT pada hari dan tahun sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 2 Jadual Pertama** Perjanjian ini di antara pihak yang bernama dan beralamat sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 3 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut “**MPKj**”) sebagai satu pihak dan pihak yang bernama dan beralamat sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 4 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut “**Kontraktor**”) sebagai pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA:-

- A. MPKj adalah Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai bidangkuasa dan kebenaran untuk melantik mana-mana pihak sebagai kontraktor bagi melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan sepertimana dinyatakan secara khusus dalam **Perkara 5 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut “**Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut**”) di Majlis Perbandaran Kajang.
- B. Kontraktor adalah sebuah syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berpengalaman dalam bidang Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan sepertimana yang dikehendaki oleh MPKj dan merupakan kontraktor bebas.
- C. MPKj telah bersetuju meluluskan pelantikan Kontraktor untuk melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut.
- D. Berdasarkan perkara-perkara di atas, melalui satu **Surat Setuju Terima** bertarikh sepertimana dinyatakan dalam **Perkara 6 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut “**Surat Setuju Terima tersebut**), Majlis telah melantik Kontraktor dan Kontraktor telah bersetuju menerima pelantikan untuk melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut melalui **Surat Akuan Penerimaan** bertarikh sepertimana dinyatakan dalam **Perkara 6 Jadual Pertama** Perjanjian ini tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Surat Setuju Terima tersebut (sesalinan dilampirkan sebagai **LAMPIRAN A**) dan juga tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini, termasuk juga apa-apa peruntukan dan peraturan mana-mana undang-undang dan undang-undang subsidiari yang digubal dan akan digubal kelak.

MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI seperti berikut:

KLAUSA 1 - TAKRIF

Dalam syarat-syarat Perjanjian ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, istilah-istilah di bawah ini akan membawa maksud seperti berikut:-

- 1.1 “**Alat Ganti**” merujuk kepada butir-butir peralatan, perkakasan dan/ atau perisian sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Kadar Harga Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan dalam **LAMPIRAN C** Perjanjian ini;
- 1.2 “**Kontraktor**” merujuk kepada butir-butir sebagaimana yang dinyatakan dalam **Perkara 3 Jadual Pertama** Perjanjian ini yang juga termasuk dia atau mereka termasuklah wasi-wasi, pentadbir-pentadbir, pengganti-pengganti dan penerima pindah milik orang atau syarikat tersebut;
- 1.3 “**MPKj**” merujuk kepada butir-butir sebagaimana dinyatakan dalam **Perkara 4 Jadual Pertama** Perjanjian ini atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya untuk mentadbirkan pelaksanaan Perjanjian ini;
- 1.4 “**Pegawai Penguasa**” merujuk kepada Yang Dipertua MPKj atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya untuk mentadbirkan pelaksanaan Perjanjian ini;
- 1.5 “**Peralatan, Perkakasan Dan/ Atau Perisian** ” merujuk kepada butir-butir peralatan, perkakasan dan/atau perisian dalam Jadual Kadar Harga Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan di dalam **LAMPIRAN C** Perjanjian ini.
- 1.6 “**Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan**” merujuk kepada Skop dan Spesifikasi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 5 Jadual Pertama** dan **LAMPIRAN B** Perjanjian ini;
- 1.7 “**Pihak**” merujuk kepada pihak MPKj atau Kontraktor mana-mana yang berkenaan;
- 1.8 “**Pihak-Pihak**” merujuk kepada kedua-dua pihak MPKj dan Kontraktor secara kolektif; dan
- 1.9 “**Tempat Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan**” merujuk kepada tempat Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut akan dilaksanakan iaitu di Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor atau sebagaimana diarahkan oleh MPKj dari semasa ke semasa.

KLAUSA 2 - SKOP PERKHIDMATAN/ KERJA/ PEMBEKALAN

2.1 Kontraktor hendaklah menyediakan dan membekalkan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut mengikut Skop dan Spesifikasi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan dalam **LAMPIRAN B** Perjanjian ini dan Jadual Kadar Harga Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan dalam **LAMPIRAN C** Perjanjian ini (selepas ini disebut “Skop Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan”) yang meliputi:

2.1.1 Penyelenggaraan Pencegahan Berjadual (*Scheduled Maintenance*)

i) Penyelenggaraan berjadual yang dilaksanakan bagi Peralatan, Perkakasan dan/atau Perisian dengan butiran spesifikasi di dalam Jadual Kadar Harga Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan mengikut Skop Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan dalam Perjanjian ini.

ii) Penyelenggaraan ini merangkumi kerja-kerja pembaikan, pelinciran, pembedulan, kalibrasi dan ujian *diagnostic* bagi menentukan tahap dan kelancaran operasi Peralatan, Perkakasan dan/atau Perisian tersebut.

2.1.2 Penyelenggaraan Pembaikan (*Corrective Maintenance*)

i) Penyelenggaraan Pembaikan tak berjadual yang diterima dari semasa ke semasa dalam Tempoh Perjanjian bagi pembaikan kerosakan ke atas Peralatan, Perkakasan dan/atau Perisian dalam Jadual Kadar Harga Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan dalam **LAMPIRAN C** Perjanjian ini yang melibatkan perubahan kedudukan, penukaran alat ganti atau ubah suai ke atas Peralatan, Perkakasan dan/atau Perisian tersebut.

ii) Penyelenggaraan ini merangkumi kerja-kerja pembaikan dan pembedulan bagi menentukan tahap dan kelancaran operasi Peralatan, Perkakasan dan/atau Perisian tersebut.

2.2 Kontraktor akan melakukan mana-mana kerja pembaikan, mengubah kedudukan, penukaran alat ganti, mengubah suai Peralatan, Perkakasan dan/atau Perisian tersebut dan bekalan-bekalan seperti yang dinyatakan dalam Skop Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan di dalam Perjanjian ini dalam tempoh sebagaimana ditetapkan dalam Skop Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan dalam **LAMPIRAN B** Perjanjian ini, tidak termasuk cuti am, selepas Kontraktor menerima maklumat mengenai keperluan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut daripada MPKj.

2.3 Kontraktor hendaklah menyimpan suatu rekod bagi setiap Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan yang dilaksanakan di bawah Perjanjian ini sebagaimana ditetapkan

dalam **LAMPIRAN D** Perjanjian ini dan hendaklah menyerahkan satu (1) salinan rekod tersebut kepada MPKj setiap kali Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan dilaksanakan.

- 2.4 Tertakluk kepada **Klausa 11** Perjanjian ini, sekiranya Kontraktor gagal melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dalam tempoh yang dinyatakan, maka MPKj berhak untuk melantik pihak ketiga bagi melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dan kos bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.
- 2.5 Kontraktor hendaklah memastikan bahawa Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dilaksanakan oleh kakitangan yang berkelayakan dan berkemahiran.
- 2.6 Semua Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan yang dilaksanakan di Tempat Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan hendaklah dilaksanakan semasa waktu pejabat. Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan yang dilaksanakan di luar waktu pejabat hanya boleh dilaksanakan selepas kebenaran bertulis daripada MPKj diperolehi.

KLAUSA 3 - TEMPOH PERJANJIAN

- 3.1 Perjanjian ini hendaklah berkuat kuasa untuk tempoh sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 7 Jadual Pertama** Perjanjian ini sehingga bayaran bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut telah mencapai had Nilai Kontrak mana-mana yang terdahulu (selepas ini disebut "**Tempoh Perjanjian**").
- 3.2 Tempoh Perjanjian ini boleh dilanjutkan selama tempoh sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 8 Jadual Pertama** Perjanjian ini atau apa-apa tempoh lanjutan yang dipersetujui oleh kedua-dua Pihak selepas mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pegawai Penguasa sebelum tamat Tempoh Perjanjian tertakluk kepada apa-apa syarat atau terma yang ditetapkan oleh MPKj bagi tempoh lanjutan tersebut melalui suatu perjanjian lanjutan.

KLAUSA 4 - NILAI KONTRAK

- 4.1. Nilai Kontrak bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut ditetapkan pada had kumulatif sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 9 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut "**Nilai Kontrak**") sepanjang Tempoh Perjanjian berdasarkan Jadual Kadar Harga Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan seperti di **LAMPIRAN C** Perjanjian ini.

- 4.2 Bagi maksud Perjanjian ini dan tertakluk kepada pematuhan syarat dan terma Perjanjian ini oleh Kontraktor, MPKj sebagai balasan kepada Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut, hendaklah membayar kepada Kontraktor seperti jumlah yang telah dinyatakan di dalam invois tertakluk kepada MPKj berpuas hati bahawa Kontraktor telah melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dengan sempurna dan tertakluk kepada apa-apa pemotongan bayaran yang boleh dibuat oleh MPKj mengikut peruntukan Perjanjian ini.
- 4.3 MPKj tidak akan bertanggungjawab memenuhi apa-apa tuntutan berhubung dengan pelaksanaan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut oleh Kontraktor yang melebihi Nilai Kontrak ini melainkan dengan persetujuan bersama kedua-dua Pihak.

KLAUSA 5 - BON PELAKSANAAN (JIKA BERKENAAN)

- 5.1 Kontraktor mengakujaji dan bersetuju untuk menandatangani wang cagaran berjumlah sebagaimana yang dinyatakan secara khusus dalam **Perkara 10 Jadual Pertama** Perjanjian ini sebagai Bon Pelaksanaan sebelum termeterainya Perjanjian ini Bon Pelaksanaan tersebut hendaklah dalam bentuk Deraf Bank atau tunai atau apa-apa bentuk yang ditetapkan oleh MPKj dan hendaklah sah bermula dari tarikh mula Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut sehingga Tempoh Perjanjian tamat.
- 5.2 Bon Pelaksanaan tersebut hendaklah dituntut oleh Kontraktor dalam masa dua belas (12) bulan selepas tamat Tempoh Perjanjian dan sekiranya Kontraktor tidak membuat tuntutan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, maka Bon Pelaksanaan tersebut akan dijadikan hasil MPKj dan dikira hangus atau lupus dan tidak perlu dikembalikan semula oleh MPKj kepada Kontraktor dalam apa juga keadaan pun.
- 5.3 MPKj berhak untuk memotong keseluruhan atau apa-apa amaun daripada Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh Kontraktor menurut **Klausu 5.1** di atas sekiranya Kontraktor gagal, enggan dan/atau cuai mematuhi apa-apa terma dan syarat Perjanjian ini.
- 5.4 Tertakluk kepada **Klausu 5.3** di atas, Kontraktor hendaklah menandatangani semula keseluruhan atau baki Bon Pelaksanaan yang telah dipotong oleh MPKj sebagaimana jumlah yang dikehendaki di dalam **Klausu 5.1** Perjanjian ini.

KLAUSA 6 - BAYARAN PERKHIDMATAN/ KERJA/ PEMBEKALAN

- 6.1 Sebagai balasan kepada Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut oleh Kontraktor, MPKj akan membayar secara bulanan seperti jumlah yang dinyatakan di dalam invois daripada Kontraktor dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** selepas menerima invois daripada Kontraktor tertakluk kepada Kontraktor hendaklah menyediakan, menyiapkan dan melengkapkan tuntutan bayaran bagi Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dalam bentuk atau format yang ditentukan oleh MPKj.
- 6.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan invois kepada-

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kajang,
Menara MPKj,
Jalan Cempaka Putih,
Off Jalan Semenyih,
43000 Kajang, Selangor.

KLAUSA 7 - PERUBAHAN NILAI KONTRAK

- 7.1 Nilai Kontrak dan Jadual Kadar Harga Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan seperti di **LAMPIRAN C** Perjanjian ini yang dinyatakan dalam **Klausu 4.1** Perjanjian ini adalah tetap dan apa-apa permohonan bagi tujuan kenaikan harga oleh pihak Kontraktor tidak akan dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.
- 7.2 Bagi apa-apa kerja tambahan di luar Jadual Kadar Harga Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan seperti di **LAMPIRAN C** Perjanjian ini, sekiranya harganya adalah merupakan suatu harga tambahan kepada jumlah Nilai Kontrak ini, ia hanya akan dibenarkan tertakluk kepada persetujuan bertulis daripada MPKj dan tertakluk kepada **Klausu 4.2** Perjanjian ini.

KLAUSA 8 - PEGAWAI PENGUASA

- 8.1 MPKj akan melantik seorang Pegawai Penguasa bagi tujuan penyeliaan dan pengawasan pelaksanaan Perjanjian ini serta membuat pengesahan bahawa Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut telah dilaksanakan berdasarkan Skop Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan seperti yang dinyatakan dalam **Klausu 3** dan **LAMPIRAN B** Perjanjian ini.
- 8.2 Pegawai Penguasa adalah bertanggungjawab dan mempunyai hak pada bila-bila masa untuk memeriksa, menyelia dan memberi arahan rasmi secara bertulis mengenai Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan yang perlu dilakukan oleh Kontraktor.

- 8.3 Kontraktor hendaklah pada setiap masa memberikan segala kerjasama kepada Pegawai Penguasa setakat mana yang diperlukan bagi membolehkan Pegawai Penguasa memastikan bahawa Kontraktor melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini.

KLAUSA 9 - PENJAGAAN HARTA MPKj

- 9.1 Adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor di sepanjang Tempoh Perjanjian ini berkuat kuasa untuk memastikan segala perkakasan dan peralatan pasang siap (*fixtures*) MPKj yang sedia ada di persekitaran Tempat Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan, di mana Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut akan dilaksanakan, sentiasa dijaga kebersihan serta keselamatannya.
- 9.2 Apa-apa kerosakan terhadap mana-mana perkakasan atau peralatan pasang siap MPKj dalam **Klausu 9.1** di atas akibat kecuaiian Kontraktor, ejen atau para pekerjanya hendaklah dilaporkan kepada Pegawai Penguasa dan hendaklah diperbaiki atau diganti oleh Kontraktor dengan seberapa segera dan segala kos yang terlibat adalah ditanggung oleh Kontraktor.

KLAUSA 10 - INSURANS DAN TEMPOH JAMINAN

- 10.1 Setiap Peralatan, Perkakasan dan/ atau Perisian yang dibekalkan oleh Kontraktor dalam melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut hendaklah dilindungi oleh insurans (jika perlu) dan tertakluk kepada perlindungan di bawah tempoh jaminan alat ganti yang ditetapkan bagi Peralatan, Perkakasan dan/ atau Perisian tersebut.
- 10.2 Tempoh jaminan alat ganti yang ditetapkan bagi Peralatan, Perkakasan dan/ atau Perisian tersebut adalah sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 11 Jadual Pertama** Perjanjian ini.

KLAUSA 11 - PENALTI AKIBAT KERJA TIDAK SIAP

- 11.1 Sekiranya Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan yang dilaksanakan didapati gagal disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan atau berlaku sebarang kelewatan dengan sebab yang tidak munasabah, MPKj berhak mengenakan penalti akibat kerja tidak siap kepada Kontraktor mengikut formula yang telah ditetapkan bagi setiap hari kelewatan dan dipotong daripada jumlah wang yang kena dibayar oleh MPKj kepada Kontraktor.

- 11.2 MPKj juga berhak untuk mengenakan penalti kepada Kontraktor jika Kontraktor gagal untuk memberi respon kepada masalah yang dilaporkan mengikut masa yang ditetapkan di **LAMPIRAN B** Perjanjian ini.
- 11.3 Kontraktor boleh mengemukakan permohonan lanjutan masa kepada MPKj dan MPKj boleh pada peringkat ini, sama ada menerima, enggan atau menolak permohonan lanjutan masa tersebut tanpa sebarang alasan dan sekiranya MPKj meluluskan permohonan lanjutan masa tersebut, penalti akibat kerja tidak siap menurut **Klausa 11.1 dan 11.2** di atas boleh dikecualikan.

KLAUSA 12 - OBLIGASI KONTRAKTOR

- 12.1 Kontraktor hendaklah memastikan kakitangan, pekerja, ejen, wakil dan sesiapa sahaja bagi pihak Kontraktor yang diberi kebebasan untuk memasuki kawasan Tempat Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan mematuhi segala peraturan, undang-undang, arahan dan segala kehendak sama ada yang diberikan secara lisan atau bertulis oleh MPKj.
- 12.2 Kontraktor hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk memastikan kakitangan, pekerja, ejen, wakil dan sesiapa sahaja bagi pihak Kontraktor yang diberi kebebasan untuk memasuki kawasan Tempat Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tidak akan menyebarkan kepada pihak yang tidak berkenaan, sebarang maklumat mengenai MPKj termasuk segala arahan menurut **Klausa 12.1** di atas.
- 12.3 Sekiranya ada kakitangan, pekerja, ejen atau wakil Kontraktor telah menyebabkan sebarang kerugian atau kerosakan kepada mana-mana harta milik MPKj di kawasan Tempat Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan, Kontraktor akan bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi kepada MPKj bagi kerosakan tersebut dengan membayar segala kos berkaitan membaik pulih atau alat-alat gantian atau sebagaimana yang diminta oleh MPKj.

KLAUSA 13 - OBLIGASI MPKj

- 13.1 MPKj hendaklah menjelaskan Nilai Kontrak kepada Kontraktor tertakluk kepada pematuhan Kontraktor terhadap terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.

- 13.2 MPKj hendaklah tidak akan menganggap Kontraktor bertanggungjawab untuk apa-apa kerosakan, kecederaan atau ganti rugi yang berpunca daripada kecuaiian pihak MPKj atau mana-mana pihak yang dilantik oleh MPKj dan kerja-kerja yang tidak berkaitan dengan Perjanjian ini.

KLAUSA 14 - REPRESENTASI DAN WARANTI

- 14.1 Kontraktor dengan ini membuat representasi dan waranti kepada MPKj bahawa—
- 14.1.1 Ia adalah sebuah syarikat berdaftar di bawah undang-undang Malaysia;
 - 14.1.2 Ia mempunyai kuasa untuk memasuki dan melaksanakan tanggungjawab serta urusan di bawah Perjanjian ini;
 - 14.1.3 Ia telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memasuki dan melaksanakan tanggungjawab serta urusan di bawah Perjanjian ini;
 - 14.1.4 Pada tarikh pelaksanaan Perjanjian ini, semua tindakan yang diambil dan/atau dilakukan atau mana-mana transaksi yang terkandung di dalam Perjanjian ini tidak akan mencabuli mana-mana peruntukan di dalam —
 - 14.1.4.1 Memorandum dan Artikel Pertubuhannya; atau
 - 14.1.4.2 mana-mana dokumen atau perjanjian yang mengikatnya atau asetnya;
 - 14.1.5 Ia adalah sebuah syarikat yang berdaftar pada setiap masa dengan Kementerian Kewangan melainkan diberikan pengecualian secara bertulis oleh MPKj; dan
 - 14.1.6 Tiada sebarang litigasi, tuntutan cukai, timbang tara, pertikaian atau prosiding sedang atau akan berlangsung yang pada pengetahuannya akan memberi kesan negatif terhadap keupayaan kewangan atau tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini.
- 14.2 Kontraktor mengambil maklum bahawa MPKj telah memasuki Perjanjian ini berdasarkan representasi dan waranti di atas.

KLAUSA 15 - WARANTI AM

- 15.1 Walau apapun peruntukan waranti di dalam **Klausu 14** Perjanjian ini sebagai tambahan, Kontraktor mengaku janji bahawa —

- 15.1.1 Ia tidak mempunyai apa-apa pengetahuan, pada tarikh Perjanjian ini, tentang apa-apa perkara yang di dalam kawalan semunasabahnya yang mungkin atau akan sebaliknya menjejaskan keupayaan untuk melaksanakan obligasi-obligasinya di bawah Perjanjian ini dan bahawa ia mempunyai kepakaran dan kemahiran untuk melaksanakan obligasi-obligasinya di bawah Perjanjian ini;
- 15.1.2 Penggunaan Peralatan, Perkakasan dan / atau Perisian dan mana-mana bahagian dari padanya tidak akan melanggar undang-undang yang terpakai;
- 15.1.3 Pemakaian mana-mana Peralatan, Perkakasan dan / atau Perisian adalah bebas daripada semua virus dan pencemaran; dan
- 15.1.4 Mana-mana spesifikasi Peralatan, Perkakasan dan / atau Perisian yang diperuntukkan oleh Kontraktor tidak melanggar mana-mana hak cipta, tanda perniagaan dan hak intelek mana-mana pihak ketiga dan Kontraktor hendaklah menanggung rugi segala kos.
- 15.2 Waranti yang diperuntukkan dalam Klausula ini hendaklah terus wujud selepas penamatan atau peluputan Perjanjian ini dan bagi alat ganti yang dibekalkan sebagaimana dinyatakan dalam **Klausula 10.2** Perjanjian ini.

KLAUSULA 16 - KESELAMATAN PEKERJA & KESIHATAN

- 16.1 Semasa melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut, Kontraktor hendaklah memastikan bahawa pekerja atau wakilnya mematuhi aspek keselamatan sebagaimana digariskan undang-undang:
- a. berkaitan keselamatan dan kesihatan di Tempat Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan;
 - b. berkaitan pengendalian peralatan, mesin, jentera, pengangkutan dan bahan yang digunapakai;
 - c. berkaitan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan yang sesuai sebagaimana diperuntukkan;
 - d. berkaitan penyelenggaraan kawasan tapak, laluan, halangan lalulintas dan langkah mengatasi risiko dan kemalangan; dan
 - e. berkaitan kawasan dan pengekalan kawasan kerja yang selamat, risiko terhadap kesihatan dan juga kemudahan berkaitan kebajikan untuk pekerja di Tempat Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut.

KLAUSA 17- 'FORCE MAJEURE'

17.1 Kontraktor dan MPKj adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang kegagalan dalam melaksanakan mana-mana obligasi di bawah Perjanjian ini jika kegagalan itu timbul akibat daripada keadaan-keadaan *Force Majeure*. Keadaan *Force Majeure* adalah bermaksud:

- (a) peperangan, pertempuran, penyerangan, tindakan musuh asing;
- (b) pemberontakan, kekacauan awam, tindakan pengganas, rampasan kuasa;
- (a) peristiwa atau kejadian semula jadi yang membawa mudarat dan kemusnahan besar seperti banjir, kebakaran, gempa bumi;
- (b) letupan nuklear, pencemaran radioaktif, pencemaran atau radiasi bahan kimia; dan
- (e) rusuhan, mogok, kekecohan, pertikaian buruh dan pandemik, epidemik, wabak penyakit tempatan, darurat kesihatan awam dan kuarantin atau bencana alam yang berada diluar kawalan mana-mana pihak.

17.2 Jika kejadian *Force Majeure* berlaku berterusan dalam keadaan sedemikian selama tiga (3) bulan, MPKj berhak menamatkan Perjanjian ini dengan serta-merta.

KLAUSA 18 - PEMERIKSAAN OLEH MPKj

Kontraktor hendaklah membenarkan MPKj atau mana-mana pihak berkuasa berkenaan, pada bila-bila masa, menjalankan pemeriksaan ke atas Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan yang dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap pencapaian Kontraktor dalam melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut dan apabila perlu, hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh MPKj bagi tujuan Perjanjian ini.

KLAUSA 19 - PENAMATAN KONTRAK

19.1 Perjanjian ini boleh ditamatkan oleh mana-mana Pihak melalui pemberian kepada Pihak yang satu lagi, **TIGA PULUH (30) HARI** notis bertulis tentang hasratnya untuk menamatkan Perjanjian ini.

19.2 Walau apapun peruntukan **Klausula 19.1** di atas, jika Kontraktor tanpa sebab yang munasabah pada pendapat MPKj:

- (a) menggantung Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan dan gagal meneruskan pelaksanaan obligasinya di bawah Perjanjian ini;

- (b) gagal melaksanakan obligasinya menurut Perjanjian ini atau mengabaikan obligasinya di bawah Perjanjian ini;
- (c) ingkar menjalankan tanggungjawab di bawah Perjanjian ini;
- (d) mungkir apa-apa obligasi atau gagal mematuhi apa-apa terma dan syarat Perjanjian ini; atau
- (e) pekerja Kontraktor melakukan salah laku, berkelakuan buruk atau cuai menjalankan tugas secara yang boleh menjejaskan nama baik MPKj,

MPKj adalah berhak untuk memberikan notis bertulis (kemudian daripada ini disebut sebagai "**Notis Kemungkiran**") kepada Kontraktor dengan menyatakan kemungkiran yang berkaitan dan menghendaki Kontraktor meremedikan kemungkiran itu dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Notis Kemungkiran itu atau apa-apa tempoh yang ditetapkan oleh MPKj.

19.3 Jika Kontraktor gagal untuk meremedikan kemungkiran berkaitan dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam Notis Kemungkiran itu MPKj boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa sesudah itu dengan memberikan tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari notis bertulis yang bermaksud sedemikian kepada Kontraktor.

19.4 Penamatan demi kepentingan Negara

Walau apa pun peruntukan Perjanjian ini, MPKj boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan notis tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari kepada Kontraktor (tanpa apa-apa obligasi untuk memberikan sebarang alasan) jika MPKj mempertimbangkan bahawa penamatan adalah perlu bagi kepentingan Negara, demi keselamatan Negara atau bagi tujuan dasar Kerajaan atau dasar awam.

19.5 Penamatan disebabkan rasuah

Tanpa memprejudiskan apa-apa hak lain, jika MPKj berpuas hati bahawa Kontraktor, pekerja, agen atau sub-kontraktor terlibat dalam rasuah yang berkaitan dengan Perjanjian ini, MPKj berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis menyatakan sedemikian.

19.6 Likuidasi

Sekiranya Kontraktor telah meluluskan suatu resolusi pembubaran melainkan bagi tujuan penyatuan atau pembentukan semula, atau jika mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang layak membuat suatu perintah pembubaran, atau jika seorang penerima atau pengurus bagi pihak sipiutang dilantik, atau jika keadaan telah timbul

yang membolehkan mahkamah membuat suatu perintah pembubaran, MPKj berhak menamatkan Perjanjian ini dengan serta-merta dan mendapatkan gantirugi atau kos yang mungkin ditanggung oleh MPKj akibat dari keadaan-keadaan tersebut.

19.7 Dengan penamatan Perjanjian ini di bawah **Klausu 17.2, 19.1, 19.2, 19.3, 19.4, 19.5** dan **19.6** di atas:

- (a) segala kuasa dan hak yang diberikan dan obligasi dalam Perjanjian ini ditamatkan serta-merta;
- (b) Kontraktor hendaklah:
 - (i) menghentikan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut; dan
 - (ii) mengemukakan kepada MPKj suatu laporan terperinci berkenaan kos dan apa-apa pembayaran yang perlu dibayar dan terutang daripada MPKj sebelum penamatan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut bagi tujuan pengesahan dan kelulusan MPKj;
- (c) MPKj berhak:
 - (i) menuntut daripada Kontraktor bagi apa-apa kehilangan dan kerugian akibat daripada penamatan Perjanjian ini; dan
 - (ii) melantik pihak lain bagi melaksanakan obligasi Kontraktor di bawah Perjanjian ini dan Kontraktor hendaklah membayar kepada MPKj semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh MPKj dan kos lain berikutan daripada perlantikan ini sebagai ganti rugi.

19.8 Dengan penamatan Perjanjian ini di bawah **Klausu 17.2, 19.1, 19.2, 19.3, 19.4, 19.5** dan **19.6** di atas juga tidak akan menyentuh hak-hak lain MPKj untuk mendapatkan ganti rugi atau pampasan yang terakru di bawah Perjanjian ini.

KLAUSA 20 - PENYERAHAN HAK ATAU SUB-KONTRAK

Kontraktor tidak boleh menyerahkan kesemua atau apa-apa bahagian Perjanjian ini atau membuat apa-apa kontrak kecil bagi tujuan Perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis daripada MPKj.

KLAUSA 21 – INDEMNITI DAN TANGGUNGUGI

21.1 Kontraktor hendaklah menanggung rugi MPKj daripada dan terhadap segala bayaran tuntutan, belanja, ganti rugi, tanggungan kerugian dan/atau kos

perbicaraan yang mungkin ditanggung oleh atau dikenakan ke atas MPKj sebagai akibat yang langsung atau tidak langsung daripada pelanggaran apa-apa syarat Perjanjian ini oleh Kontraktor, ejen atau pekerjanya semasa melaksanakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut.

21.2 Kontraktor hendaklah menerima tanggungan dan hendaklah menanggung rugi MPKj terhadap apa-apa tanggungan, tuntutan atau prosiding:

21.2.1 mengenai kecederaan diri atau kematian mana-mana orang; atau

21.2.2 mengenai kerosakan terhadap apa-apa harta dalam apa jua bentuk sekalipun atau yang dipunyai oleh sesiapa pun;

jika ia disebabkan oleh kecuaiian atau perbuatan atau keingkaran sengaja oleh Kontraktor yang mana kecederaan, kematian atau kerosakan tersebut disebabkan oleh atau berbangkit daripada atau dalam masa Kontraktor melaksanakan atau menjalankan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan di bawah Perjanjian ini.

KLAUSA 22 – KERAHSIAAN

22.1 Kedua-dua Pihak kepada Perjanjian ini mengaku janji –

22.1.1 untuk menganggap apa-apa maklumat yang melibatkan Perjanjian ini sebagai rahsia;

22.1.2 untuk tidak akan, tanpa kebenaran bertulis Pihak yang satu lagi, berkomunikasi atau memberitahu mengenai mana-mana bahagian daripada maklumat rahsia tersebut kepada mana-mana orang kecuali kepada mana-mana pekerjanya, ejen dan sub-kontraktor yang terlibat secara langsung dengan Perjanjian ini dan yang perlu mengetahui maklumat rahsia itu bagi maksud memenuhi kewajipan Kontraktor di bawah Perjanjian ini; dan

22.1.3 untuk tidak menggunakan atau menyebarkan maklumat rahsia dalam organisasi mana- mana Pihak kecuali jika ia adalah perlu di bawah Perjanjian ini dan selepas mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak yang satu lagi.

22.2 Kewajipan yang dinyatakan dalam **Klausu 22.1.2** di atas tidak akan terpakai kepada maklumat rahsia yang mana maklumat itu telah pun diketahui oleh mana-mana Pihak itu (dengan mempunyai hak untuk mendedahkannya) sebelum menerima maklumat rahsia tersebut.

KLAUSA 23- KEGUNAAN DATA PERIBADI

- 23.1 Pihak-Pihak mengaku janji akan pada setiap masa mematuhi undang-undang yang terpakai, peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah lain yang mempunyai kuasa bersamaan termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (selepas ini dirujuk sebagai “**Undang-undang Berkaitan**”).
- 23.2 Bagi maksud Perjanjian ini, istilah “**Subjek Data**”, “**Pemprosesan**” dan “**Data Peribadi**” hendaklah mempunyai erti yang sama seperti yang disifatkan di dalam Akta Perlindungan Peribadi 2010.
- 23.3 Berhubung dengan perlindungan data, kedua-dua Pihak hendaklah, sebagai tambahan kepada tugas dan tanggungjawab di dalam Perjanjian ini dan tanpa menjejaskan apa-apa peruntukan lain di dalam Perjanjian ini;
- a) Memproses apa-apa Data Peribadi mengikut terma Undang-undang Berkaitan;
 - b) mematuhi hak-hak individu yang berkaitan dengan Perjanjian ini seperti yang dikehendaki di bawah Undang-undang Berkaitan;
 - c) memindahkan Data Peribadi mengikut peruntukan-peruntukan yang berkenaan dengan Undang-undang Berkaitan;
 - d) tidak melakukan apa-apa tindakan berkaitan dengan Data Peribadi yang boleh menyebabkan pihak yang lain melanggar mana-mana syarat di bawah Undang-undang Berkaitan yang berkuat kuasa.
- 23.4 Dengan menandatangani Perjanjian ini, MPKj dengan ini mengakui dan memberi kebenaran kepada mana-mana Pemprosesan Data Peribadi yang berkaitan dengan Perjanjian ini oleh Kontraktor dan semua anak syarikat dan/ atau syarikat-syarikat bersekutunya (jika diperlukan). Walau bagaimanapun, MPKj boleh menarik balik kebenaran tersebut dengan memberikan notis bertulis kepada Kontraktor dan semua anak syarikat dan/ atau syarikat-syarikat bersekutunya (jika diperlukan).
- 23.5 Pihak-Pihak dengan ini mengesahkan dan mengaku janji untuk mengambil langkah-langkah sewajarnya serta prosedur keselamatan yang mencukupi sepanjang tempoh Perjanjian ini, terhadap akses kepada Data Peribadi oleh pihak yang tidak dibenarkan, proses yang menyalahi undang-undang, kemusnahan, kerugian, kerosakan bagi mengelakkan Pemprosesan dan penzahiran Data Peribadi oleh pihak tersebut.
- 23.6 Tiada Pihak yang dibenarkan untuk menggunakan mana-mana Data Peribadi yang diterima berkaitan dengan Perjanjian ini selain daripada untuk memenuhi obligasi di bawah Perjanjian ini dan mematuhi Undang-undang Berkaitan.
- 23.7 Jika berlaku penamatan Perjanjian ini bagi apa-apa sebab sekalipun, kedua-dua Pihak adalah serta-merta terhenti mempunyai hak untuk mengakses Data Peribadi yang diterima di bawah Perjanjian ini dan hendaklah memusnahkan dan/ atau memadam Data Peribadi tersebut. Kedua-dua Pihak tidak dibenarkan menggunakan

atau mencipta semula Data Peribadi, kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Subjek Data.

KLAUSA 24- KOS PERJANJIAN DAN DUTI SETEM

Apa-apa kos termasuk duti setem yang kena dibayar berkenaan dengan Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.

KLAUSA 25 – IKLAN

Kontraktor adalah dilarang daripada menyiarkan apa-apa iklan berkaitan dengan Perjanjian ini dalam mana-mana akhbar, majalah atau alat-alat pengiklanan yang lain tanpa memperoleh kebenaran bertulis daripada MPKj terlebih dahulu.

KLAUSA 26 - PENYELESAIAN PERTIKAIAN

- 26.1 Apa-apa pertikaian yang berlaku di antara MPKj dan Kontraktor mengenai penaksiran, pengertian atau penguatkuasaan Perjanjian ini atau hak dan/atau tanggungan Pihak-Pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang berlaku daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah diselesaikan melalui perbincangan di antara kedua-dua Pihak terlebih dahulu.
- 26.2 Dalam keadaan di mana pertikaian atau perbezaan yang tidak dapat diselesaikan melalui perbincangan seperti yang diperuntukkan dalam **Klausu 25.1** di atas, mana-mana Pihak boleh mengambil tindakan untuk merujuk pertikaian tersebut kepada mahkamah yang berkenaan .

KLAUSA 27 - PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG

Perjanjian ini hendaklah tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

KLAUSA 28 – NOTIS

- 28.1 Jika mengikut peruntukan dalam Perjanjian ini, satu notis diperlukan, ia hendaklah diberikan secara bertulis dan dihantar melalui faksimili, pos berdaftar atau diserahkan ke alamat seperti berikut:
- 28.1.1 bagi pihak MPKj, sepertimana butir-butir yang dinyatakan dalam **Perkara 3 Jadual Pertama** Perjanjian ini dan
- 28.1.2 bagi pihak Kontraktor, sepertimana butir-butir yang dinyatakan dalam **Perkara 4 Jadual Pertama** Perjanjian ini.

28.2 Kontraktor hendaklah memberi notis bertulis dalam masa Empat Belas (14) hari kepada MPKj, sekiranya berlaku pertukaran alamat atau entiti Kontraktor.

KLAUSA 29 - PENGGANTUNGAN

MPKj sentiasa berhak pada bila-bila masa dalam tempoh Perjanjian ini untuk menggantung atau menangguhkan sementara sebahagian atau keseluruhan pelaksanaan Perjanjian ini atas sebab-sebab keselamatan Negara, kepentingan awam, kesihatan awam dan polisi MPKj yang mana penggantungan atau penangguhan tersebut akan berkuat kuasa serta-merta selepas satu notis bertulis mengenainya diberikan kepada Kontraktor.

KLAUSA 30 - PINDAAN

Apa-apa pindaan, pengubahsuaian atau penepian terhadap terma-terma Perjanjian ini adalah tidak sah kecuali jika pindaan, pengubahsuaian atau penepian tersebut dibuat secara bertulis dalam bentuk Perjanjian Tambahan (*Supplementary Agreement*) yang secara khusus merujuk kepada Perjanjian ini dan ditandatangani oleh kedua-dua Pihak.

KLAUSA 31 - MASA

Masa di mana-mana disebutkan adalah mustahak di bawah Perjanjian ini.

KLAUSA 32 - PERUBAHAN KADAR DUTI DAN CUKAI

Adalah diperakukan oleh Kontraktor bahawa sebarang perubahan pada mana-mana kadar duti kastam, cukai jualan, cukai tokok, atau mana-mana cukai lain yang berkenaan yang menyebabkan perubahan pada harga mana-mana Peralatan, Perkakasan dan/atau Perisian di bawah Perjanjian ini tidak akan menjejaskan Nilai Kontrak.

KLAUSA 33 - KETAHSAHAN

Sekiranya terdapat mana-mana peruntukan di dalam Perjanjian ini diputuskan sebagai tidak sah atau bertentangan dengan sebarang undang-undang dan tidak boleh dikuat kuasakan, maka keesahan peruntukan lain di dalam Perjanjian ini tidak akan terjejas dan akan dikuat kuasa dan dilaksanakan seterusnya.

Ruangan Di Bawah Ini Sengaja Dikosongkan

Ruangan Ini Sengaja Dikosongkan

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS Pihak-Pihak kepada Kontrak ini telah menurunkan tandatangan dan meterai mereka masing-masing pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak
MPKj

)
)

.....
Nama:
No. Kad Pengenalan:
Jawatan: Yang Dipertua

di hadapan

)
)
)

.....
Nama:
No. Kad Pengenalan
Jawatan: Setiausaha

)
)
)

.....
Nama:
No.Kad Pengenalan:
Jawatan: Ahli Majlis

Ditandatangani untuk dan bagi pihak
KONTRAKTOR

)
)

.....
Nama:
No.Kad Pengenalan:
Jawatan:

di hadapan

)
)
)

.....
Nama:
No.Kad Pengenalan:
Jawatan:

Ruangan Ini Sengaja Dikosongkan

JADUAL PERTAMA <i>(Jadual ini hendaklah diambil, dibaca dan difahamkan sebagai bahagian penting Perjanjian ini)</i>		
PERKARA	ITEM	BUTIRAN
Perkara 1	No. Kontrak	Lantikan Terus
Perkara 2	Tarikh Perjanjian	Haribulan
Perkara 3	MPKj	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKj) Menara MPKj Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan. Tel : 03-8737 7899 / 8737 1789 Faks : 03-8737 7897 / 8733 1270 No. Fail :
Perkara 4	Kontraktor	Nama : No. Syarikat/ No. Pendaftaran Perniagaan: Alamat Perniagaan : No. Tel : No. Faks : Emel :

JADUAL PERTAMA <i>(Jadual ini hendaklah diambil, dibaca dan difahamkan sebagai bahagian penting Perjanjian ini)</i>		
PERKARA	ITEM	BUTIRAN
Perkara 5	Perkhidmatan/Kerja/ Pembekalan	<p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p>
Perkara 6	Tarikh Surat	<p>Surat Setuju :</p> <p>Terima</p> <p>Surat Akuan Penerimaan :</p>
Perkara 7	Tempoh Perjanjian	<p>.....Bulan / Tahun</p> <p>Bermula :</p> <p>Tamat :</p>
Perkara 8	Tempoh Lanjutan Perjanjian	<p>..... Bulan / Tahun</p> <p>Bermula :</p> <p>Tamat :</p>
Perkara 9	Nilai Kontrak	<p>Ringgit Malaysia :</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p>

JADUAL PERTAMA

(Jadual ini hendaklah diambil, dibaca dan difahamkan sebagai bahagian penting Perjanjian ini)

PERKARA	ITEM	BUTIRAN
Perkara 10	Bon Pelaksanaan
Perkara 11	Tempoh Jaminan Alat Ganti

LAMPIRAN A

**SALINAN SURAT SETUJU TERIMA DAN SURAT
AKUAN PENERIMAAN**

LAMPIRAN B

SKOP DAN SPESIFIKASI PERKHIDMATAN/ KERJA/ PEMBEKALAN

LAMPIRAN C

JADUAL KADAR HARGA PERKHIDMATAN/ KERJA/ PEMBEKALAN

-TIDAK BERKAITAN-

LAMPIRAN D

LAPORAN PERKHIDMATAN (SERVICES SHEET REPORT)

-TIDAK BERKAITAN-